



Rujukan Kami: SUK.Ps.04A/ 184 SK 1 (77)

Tarikh : 14 September 2023

**SEMUA KETUA JABATAN NEGERI
SEMUA KETUA BADAN BERKANUN NEGERI
SEMUA KETUA GLC NEGERI
YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN
SEMUA SETIAUSAHA BAHAGIAN/ KETUA UNIT, PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERLIS**

Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ Yang Amat Arif/ Dr./ Tuan/ Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS BIL. 21:

- PEMAKAIAN LOGO, FRASA SLOGAN DAN FRASA TAGLINE
TAHUN MELAWAT PERLIS (TMP) 2024-2025 DALAM URUSAN
PENYEDIAAN SURAT RASMI KERAJAAN NEGERI PERLIS**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sebagaimana Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ Yang Amat Arif/ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bertarikh 08 Mei 2023, Kerajaan Negeri Perlis akan melaksanakan Tahun Melawat Perlis (TMP) pada tahun 2024 dan tahun 2025 di mana ia merupakan satu (01) program pelancongan khas yang diadakan untuk menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Perlis. Dalam pada masa yang sama, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 24 Mei 2023 juga telah bersetuju mengenai reka bentuk logo, frasa slogan serta frasa *tagline* yang boleh digunakan secara rasmi dalam mempromosikan TMP 2024-2025.

3. Dalam hal tersebut, sebagai salah-satu usaha untuk menghebahkan serta menguar-uarkan mengenai penganjuran program ini, jasa baik serta kerjasama Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ Yang Amat Arif/ Dr./ Tuan/ Puan adalah diminta untuk menggunakan logo, frasa slogan dan frasa *tagline* Tahun Melawat Perlis (TMP) 2024-2025 sepertimana format seperti di **Lampiran A** dalam urusan penyediaan surat rasmi di jabatan masing-masing berkuatkuasa dari tarikh surat arahan ini.

Segala perhatian dan kerjasama Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ Yang Amat Arif/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung arahan ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"TAHUN MELAWAT PERLIS 2024-2025"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF)
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis



فجابت ستياوسهاكراجان نخري قرليس

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

UNIT PENGURUSAN KORPORAT & INTEGRITI

Blok B, Aras 2, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis

Persiaran Wawasan

01000 KANGAR

PERLIS

TELEFON

Pejabat (Kangar)

Faks

Emel

Laman Web



: 04-9738800

: 04-9738875

: korporat@perlis.gov.my

: www.perlis.gov.my

Rujukan Kami : xxx

Tarikh : xxx

Nama

Alamat

Tuan/ Puan,

TAJUK SURAT

Dengan hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. xxxxxxxx

3. xxxxxxxx

4. xxxxxxxx

Segala perhatian dan kerjasama Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"TAHUN MELAWAT PERLIS 2024-2025"

Saya yang menjalankan amanah,

tt

(AHMAD IBRAHIM BIN MOHD TAYIB)

b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Tel : 04-9738902

Emel : ibrahim@perlis.gov.my

Fax : 04-9738875

"PERLIS DAMAI DAN MENAWAN"
"PERLIS THE UNDENIABLE CHARM"